

# IPT tawar program pengajian perakaunan

Setiap kali mendapat keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), perkara yang sering menjadi tumpuan adalah bidang pengajian yang bakal menjadi pilihan pelajar.

Selain kerjaya profesional sebagai doktor atau jurutera, bidang perakaunan boleh dipertimbangkan sebagai pilihan kerana ia turut menjanjikan peluang pekerjaan yang luas memandangkan setiap syarikat memerlukan kemahiran daripada seorang akauntan.

Bagi memberi nilai tambah kepada kelulusan akademik yang diperoleh di peringkat diploma atau ijazah, pelajar-pelajar

juga boleh mengikuti program Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) bagi membolehkan mereka mendapatkan kelayakan sebagai akauntan bertauliah.

Bertepatan dengan topik yang diketengahkan minggu ini, *Sinar Bestari* kongsi senarai institusi pengajian tinggi awam/swasta (IPTA/IPTS) yang menawarkan program pengajian dalam bidang perakaunan untuk rujukan pembaca di luar sana.

Semoga perkongsian kali ini membantu anda membuat pilihan dengan lebih mudah di masa depan.

Buka laluan kerjaya profesional kepada graduan





**UNIVERSITY OF MALAYA**

**UM** menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) membabitkan tempoh pengajian selama empat tahun. Program ini turut mendapat pengiktirafan beberapa badan profesional seperti The Association of Chartered Certified Accountants (UK), The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA), The Chartered Institute of Management Accountants (CIMA), Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA).



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

**BACELOR** Perakaunan (Kepujian) UPM ditawarkan di bawah Sekolah Perniagaan dan Ekonomi bermula pada 1985. Matlamat utama program ini ditawarkan adalah untuk melahirkan sumber manusia yang beretika, profesional dan kompeten dengan kemahiran serta berkebolehan dalam bidang perakaunan untuk memenuhi perkembangan dan keperluan semasa negara. Program ini mendapat pengiktirafan institusi tempatan iaitu Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan pengiktirafan antarabangsa iaitu the Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), Chartered Institute of Management Accountants (CIMA), Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), The Malaysian Institute of Public Accountants (MICPA), Chartered Accountants Australia & New Zealand (CA-ANZ), dan Certified Public Accountant (CPA) (Australia).



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**UiTM** menawarkan program Diploma Perakaunan, Diploma Sistem Maklumat Perakaunan dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) untuk pelajar yang berminat menyambung pengajian dalam bidang berkenaan. Antara kampus yang menawarkan program Diploma Perakaunan ialah Sungai Petani, Kedah; Machang, Kelantan; Segamat, Johor; Tapah, Perak; Kota Samarahan, Sarawak; Jengka, Pahang; Alor Gajah, Melaka; Kota Kinabalu, Sabah dan Dungun, Terengganu. Program peringkat ijazah pula ditawarkan di UiTM Puncak Alam, Selangor; Sungai Petani, Kedah; Machang, Kelantan; Alor Gajah, Melaka dan Kota Samarahan, Sarawak.



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

**IJAZAH** Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat) dengan Kepujian ditawarkan di bawah Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) UUM. Mula ditubuhkan pada 1984, TISSA UUM adalah antara pusat pengajian perakaunan yang tertua dan terbesar di negara ini serta berjaya melahirkan ramai siswazah yang berjaya dalam bidang berkenaan. TISSA UUM turut menawarkan program pascasiswazah membabitkan program Sarjana Sains (Perakaunan) dan Doktor Falsafah (PhD) (Perakaunan).



**الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا**  
**INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA**  
**بوتني بريستي الشاهرا انبارا اجسا مليسيا**  
Garden of Knowledge and Virtue

**UIAM** menawarkan program pengajian perakaunan menerusi Jabatan Perakaunan di bawah Kuliyyah Ekonomi dan Sains Pengurusan (KENMS). Antara program yang ditawarkan ialah Ijazah Sarjana Muda Perakaunan membabitkan tempoh pengajian selama empat tahun. Selain itu, pelajar juga boleh menyambung pengajian ke peringkat Sarjana Sains dan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang perakaunan.



**UNIRAZAK** menawarkan program Diploma Perakaunan membabitkan pengajian selama dua tahun setengah dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) sepanjang empat tahun. Pelajar yang mengikuti program pengajian di UNIRAZAK akan mendapat pendedahan membabitkan pelbagai aspek dalam bidang perakaunan termasuklah prinsip dan konsep perakaunan, audit, percukaian dan analisis penyata kewangan syarikat korporat. Pengambilan dibuat pada setiap Mac, Julai dan November. Bagi mengikuti program diploma, pelajar perlu lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kredit tiga mata pelajaran.



**PELAJAR** boleh mengikuti program Diploma Perakaunan dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) di UNITAR yang membabitkan tempoh pengajian dua tahun enam bulan dan tiga tahun enam bulan. Program diploma ditawarkan di kampus Johor Bahru; Kota Bharu, Kelantan dan Petaling Jaya, Selangor manakala program ijazah pula di kampus utama Petaling Jaya. Bagi lepasan SPM yang berminat memohon, mereka perlu lulus SPM dengan mendapat sekurang-kurangnya tiga kredit dalam mana-mana mata pelajaran termasuklah Matematik.